

UPM, Jakim tubuh makmal produk halal

Oleh Khairina Yasin

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menujukan Makmal Sementara Analisis Produk Halal yang berperanan melaksanakan proses pensijilan halal dalam menganalisis produk makanan atau ramuan baru yang terhasil daripada perkembangan bioteknologi.

Kerjasama itu hasil pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara UPM dan Jakim baru-baru ini yang turut membawa kepada kesiuaian UPM menyediakan latihan kepada pegawai Bahagian Hab Halal Jakim sebagai langkah persediaan me-

ngendalikan Makmal Analisis Produk Halal tetap yang bakal dibina di Bandar Enstek, Nilai, menjelang 2011.

MoU ditandatangani Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapa Raja Abdullah, manakala Jakim oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz sambil disaksikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdullah Md Zin.

Berucap pada majlis itu Nik Mustapa, berkata penubuhan makmal sementara itu juga membantu mengatasi masalah kekurangan makmal yang berupaya menjalankan analisis terhadap produk makanan Jakim yang selama ini bergantung kepada Jabatan Kimia Malaysia semata-mata.

Katanya, jaringan kerjasama penu-

huhan makmal bermula sejak UPM diberi kepercayaan menerajui jawatankuasa khas Jakim bagi menyelesaikan isu enzim babi dalam ayam.

“Kerjasama itu membabitkan beberapa agensi termasuk Jabatan Kimia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesihatan dan Makmal Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

“Hubungan kemudian diperkuatkan dengan pemeteraian MoU itu, sekali gus meningkatkan keberkesanan dan impak yang mampu menyumbang kepada pembangunan industri halal negara secara lebih agresif,” katanya pada majlis MoU UPM-Jakim, baru-baru ini.

Nik Mustapa berkata, penubuhan Makmal Sementara Analisis Produk Halal itu juga dijangka dapat membantu Jakim melaksanakan proses pensijilan halal Malaysia dengan lebih cekap dan efisyen.

“Kita berterima kasih kepada Jakim atas kepercayaan diberikan kepada UPM untuk menjadi rakan kongsi kerjasama dalam bidang analisis, penyelidikan dan membangunkan sistem jaminan kualiti halal.

“Malah, keupayaan UPM dalam membantu usaha kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global ternyata kukuh dengan penubuhan Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) di UPM pada 2005,” katanya. **B.HARVAN 15/2/08.**